

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MANIVANAN GOWIN [KAPAR]

TARIKH : 26 MEI 2016

RUJUKAN : 9176[Pertanyaan di bawah PM.22 (5)]

SOALAN:

Tuan Manivanan Gowin [Kapar] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan

- a. apakah wujudnya elemen-elemen pengganas ISIS dan / atau ekstremis dalam insiden menceroboh dan memecah patung dewa di Kuil Sree Muneeswarar Amman Kovil, Ipoh pada 24 April 2016. Apakah status terkini terhadap siasatan kes tersebut?

- b. apakah langkah-langkah Kerajaan Persekutuan untuk membendung dan menghalang kegiatan pengganas ISIS dan/atau ekstremis yang mampu mencetuskan isu perkauman dan mengancam keamanan dan keharmonian negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), untuk makluman dewan yang mulia ini, tiada elemen Daesh atau ekstremis dikesan di dalam kejadian pencerobohan dan memecah patung dewa di Kuil Sree Muneeswarar Amman Kovil, Ipoh pada 24 April 2016. Pengesahan berkenaan dengan perkara ini telah dikeluarkan oleh Tan Sri Ketua Polis Negara yang menafikan pembabitan saspek sebagai anggota atau penyokong mana-mana kumpulan militan yang didakwa banyak pihak sebelum ini. Kes ini juga bukanlah bersifat kebencian kaum atau agama sepetimana yang cuba dimainkan oleh beberapa buah pihak yang tidak bertanggungjawab.

Insiden ini adalah satu kes terpencil yang mana saspek adalah bekas doktor dan baru sahaja dipecat kerana masalah mental. Suspek juga telah dihantar ke Hospital Sakit Jiwa Tanjung Rambutan untuk pemeriksaan lanjut. Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, Kerajaan Negeri Perak juga telah menyalurkan bantuan segera berjumlah RM 30,000 kepada kuil berkenaan bagi proses baik pulih di atas kerosakan yang berlaku.

Bagi menjawab soalan (b) pula, Kerajaan juga sentiasa memandang serius akan isu-isu yang mampu mengamcam keselamatan negara dan ini termasuklah isu perkauman. Oleh yang demikian, langkah-langkah proaktif dan holistik telah diambil dalam membendung ancaman ini daripada berlaku. Ini termasuklah mengadakan sesi engagement atau *town hall meeting* dengan pelbagai NGO, persatuan dan masyarakat umum. Kerajaan juga melalui Pelan Integrasi Nasional dan pelbagai program penerangan serta program kesedaran berhubung kepentingan perpaduan juga telah diadakan di seluruh negara bagi mewujudkan kefahaman sosial, kaum dan agama.